

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, October 9, 2019 8:28 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: BENGKEL PELAN STRATEGIK BANTU PERANCANGAN TAHUNAN OYAGSB



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

9 OKTOBER 2019 / 10 SAFAR 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: OYAGSB

BENGKEL PELAN STRATEGIK BANTU PERANCANGAN TAHUNAN OYAGSB



UUM ONLINE: Pulau Pinang - Seramai 30 staf akademik dan pentadbiran telah mengikuti Bengkel Pelan Strategik (2019-2021) Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business (OYAGSB) selama tiga hari di Hotel Mercure Penang Beach, baru-baru ini.

Dekan OYAGSB, Prof. Dr. Shahizan Hassan berkata, Bengkel Pelan Strategik OYAGSB merupakan salah satu usaha untuk memperkasakan tadbir urus organisasi dan pembudayaan nilai-nilai murni ke arah kecemerlangan OYAGSB serta memantapkan lagi peranan OYAGSB dalam hala tuju universiti.

"Bengkel ini juga boleh dijadikan satu platform bagi sesi sumbang saran dan perincangan khususnya mengenai aspek memantapkan lagi hala tuju organisasi serta merangka pelan strategik tiga tahun (2019-2021) untuk mencapai sasaran Key Performance Index (KPI) yang telah ditetapkan oleh Universiti," katanya.

Pada bengkel itu, peserta membentuk empat kumpulan mengikut bidang masing-masing iaitu Penyelidikan, Penerbitan & Konsultasi; Akademik, Pengantarabangsaan, Akreditasi Dan

Promosi; Perkhidmatan kepada Pemegang Taruh (Stakeholders) dan Seminar, Latihan dan Kelestarian Kewangan.

Bengkel yang berakhir pada 20 September itu turut menyemak dan menilai semula visi, misi, *tagline*, *core values* dan objektif strategi serta menyemak semula kurikulum program Doktor Pengurusan Perniagaan (DBA) dan Doktor Pengurusan (D.Mgmt).



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.